# Kelapa muda

1

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Kelapa.
2. Ini kelapa.
3. Ini kelapa muda.
4. Saleha beli kelapa muda.
5. Saleha selalu beli kelapa muda.
6. Saleha beli kelapa muda dari Melaka.
7. Kelapa muda ada isi.
8. Saleha suka isi kelapa muda.
9. Saleha suka hati bila rasa isi kelapa muda.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Jambu batu

2

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Jambu batu.
2. Ini jambu batu.
3. Ayah tanam jambu batu.
4. Ayah tanam jambu batu di kebun.
5. Ibu suka makan jambu batu.
6. Buah jambu batu mengandungi vitamin.
7. Ayah beri jambu batu pada jiran sebelah rumah.
8. Ayah juga beri jambu batu pada datuk dan nenek.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CS CamScanner

# Pekebun sayur



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini Pak Mat.
2. Pak Mat ada kebun sayur.
3. Pak Mat juga seorang penjual sayur.
4. Setiap pagi, Pak Mat menjual sayurnya di pasar tani.
5. Ada tomato, kangkung, lobak, sawi, terung, bendi dan kacang panjang.
6. Ramai pelanggan suka membeli dengan Pak Mat kerana sayur-sayurnya segar dan murah.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Kebun buah-buahan

4

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini dusun buah-buahan.
2. Ini dusun buah-buahan Pak Long.
3. Terdapat pelbagai jenis pokok buah-buahan di dusun itu.
4. Ada pokok rambutan, durian, manggis dan cempedak.
5. Setiap kali musim buah-buahan, Pak Long pasti mengajak kami sekeluarga balik ke kampung untuk sama-sama menikmati buah-buahan tersebut.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Ayam panggang



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini Hafiz.
2. Hafiz seorang penjual ayam panggang.
3. Setiap petang, Hafiz akan menjual ayam panggang di hadapan rumahnya.
4. Ramai pelanggan membeli ayam panggang Hafiz.
5. Ayam panggangnya sedap dan harganya pun berpatutan.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Menyidai pakaian



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini ibu saya.
2. Ibu saya sangat rajin.
3. Setiap pagi, ibu akan mencuci pakaian kami sekeluarga.
4. Pakaian itu kemudiannya disidai di halaman rumah.
5. Pada sebelah petangnya pula, apabila pakaian telah kering, saya akan membantu ibu melipat pakaian tersebut.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Kakak saya



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini kakak saya.
2. Nama kakak saya Amirah.
3. Kakak saya baik dan cantik.
4. Kakak saya juga rajin memasak.
5. Setiap hari, kakak akan membantu ibu memasak nasi.
6. Kakak juga memasak lauk-pauk untuk keluarga kami.
7. Masakan kakak sedap-sedap belaka.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Membaca



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini Akmal.
2. Hobi Akmal ialah membaca.
3. Akmal suka membaca buku cerita.
4. Setiap hujung minggu, Akmal akan pergi ke perpustakaan.
5. Akmal suka meminjam buku cerita dari perpustakaan.
6. Akmal suka membaca buku yang bertemakan kisah pengembaraan dan penyiasatan.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Gotong-royong



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini penduduk Kampung Pinang.
2. Penduduk Kampung Pinang mengadakan gotong-royong.
3. Gotong-royong diadakan pada hujung minggu.
4. Gotong-royong itu diadakan untuk membaiki dewan kampung yang uzur.
5. Ramai penduduk kampung datang membantu.
6. Saya dan abang turut sama membantu mengangkat kayu.
7. Kaum ibu pula sibuk menyediakan minuman.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Bola sepak

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini Farid, murid Tahun 5.
2. Farid bersekolah di Sekolah Kebangsaan Taman Permata.
3. Hobi Farid ialah bermain bola sepak.
4. Setiap petang Farid akan bermain bola sepak di padang.
5. Farid bermain bersama kawan-kawannya.
6. Farid merupakan penyerang bagi pasukannya.
7. Dia amat lincah sekali mengelecek bola untuk menjaringkan gol.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Gosok gigi

11

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Setiap pagi, selepas bangun dari tidur, saya akan menggosok gigi.
2. Saya menggunakan berus gigi yang ibu beli.
3. Saya juga menggunakan ubat gigi untuk menggosok gigi.
4. Saya juga menggosok gigi selepas makan.
5. Gigi saya putih dan bersih.
6. Saya suka makan sayur dan buah-buahan untuk memastikan gigi saya sentiasa sihat.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Perigi lama



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Itu perigi.
2. Perigi itu perigi lama.
3. Perigi lama itu ada di belakang rumah datuk.
4. Saya suka mandi guna air perigi.
5. Airnya sejuk dan segar sekali.
6. Air dari perigi ditimba dengan menggunakan gayung.
7. Perigi ini sangat dalam.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CS CamScanner

# Memancing ikan

Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini Halim.
2. Hobi Halim ialah memancing ikan.
3. Dia sering memancing ikan di sebatang sungai yang terletak di hujung kampung.
4. Halim memancing dengan menggunakan joran.
5. Halim membeli jorannya di kedai.
6. Halim menggunakan cacing sebagai umpan.
7. Selalunya Halim berjaya memancing ikan seperti jelawat, kelah dan baung.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Abang saya



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini abang saya.
2. Abang saya berumur 17 tahun.
3. Nama abang saya ialah Jamal.
4. Abang saya sangat rajin.
5. Abang saya suka membantu ibu di dapur.
6. Abang membantu ibu menyiang ikan di dapur.
7. Ikan yang disiang itu akan dimasak oleh ibu.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Kakak saya



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini kakak saya.
2. Kakak saya berumur 17 tahun.
3. Nama kakak saya ialah Hamidah.
4. Kakak saya sangat rajin.
5. Kakak saya suka membantu ibu.
6. Kakak suka membantu ibu menyapu halaman rumah.
7. Kadang-kadang kakak akan membantu ibu menyiram pokok bunga.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Memasak



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Hawa suka memasak.
2. Hawa suka masak mi goreng.
3. Mi goreng yang Hawa masak sedap sekali.
4. Hawa belajar memasak daripada Makcik Timah.
5. Selain dari masak mi goreng, Hawa juga pandai masak nasi goreng, mi sup, mi jawa, bakso dan soto.
6. Hawa bercita-cita untuk menjadi seorang tukang masak yang terkenal suatu hari nanti.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Orang buta



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Suresh murid Tahun 6.
2. Suresh bersekolah di Sekolah Kebangsaan Pinang Jawa.
3. Suresh seorang murid yang baik hati.
4. Dia suka membantu sesiapa sahaja yang dalam kesusahan.
5. Suresh sering memberi bantuan kepada mana-mana orang buta yang memerlukan pertolongan.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Pau



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Asma seorang yang suka memasak.
2. Dia suka mencuba resipi baharu.
3. Pada hujung minggu yang lalu, Asma belajar memasak pau.
4. Asma belajar memasak pau kacang daripada ibunya.
5. Pau kacang yang Asma masak sangat sedap.
6. Selain daripada pau kacang, Asma juga belajar memasak pau ayam, pau kelapa dan pau daging.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner

# Menjala ikan



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Ini abang Rahman.
2. Abang Rahman pandai menjala ikan.
3. Abang Rahman menjala ikan di sungai.
4. Selain ikan, antara hasil tangkapan abang Rahman ialah udang.
5. Ikan dan udang itu akan dijual kepada peraih.
6. Selain dijual, hasil tangkapan itu juga untuk dimakan oleh keluarga Rahman.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CS CamScanner

# Mencuci pinggan



Baca petikan di bawah 3 kali dan salin semula petikan berkenaan di ruang yang disediakan.



1. Alisa seorang yang rajin.
2. Dia suka membantu ibunya di dapur.
3. Dia selalu membantu ibunya mencuci pinggan mangkuk.
4. Alisa mencuci pinggan mangkuk dengan menggunakan sabun.
5. Selepas mencuci pinggan mangkuk, Alisa akan memastikan dapur bersih dan kemas.
6. Alisa akan memastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah.

©Lyn Sulaiman @ Pensel dan Krayon

CamScanner